Soalan 1 hingga 5
Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. Geetha memberitahu rakan-rakannya bahawa _____ akan tiba di Pantai Chenang pada pukul 5:00 petang.
   A dia
   B dikau
   C beliau
   D kalian

2. Orang ramai yang ingin mengambil ujian memandu kereta diwajibkan agar menduduki _____ yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).
   A prasasti **C** prasyarat
   B praujian **D** prasejarah

3. Kaki Izlan _____ ke dalam lubang ketika berjalan dalam gelap.
   A terjelepok **C** tersungkur
   B terperosok **D** terjunam

Soalan 4 *berdasarkan gambar di bawah ini.*

4. Encik Talib membawa keluarganya _____ di Tasik Kenyir pada cuti sekolah yang lalu.
   A buah tangan
   B kasih sayang
   C makan angin
   D masam manis

5. Para penonton terpegun apabila mendengar _____ biola yang mendayu-dayu daripada pemuzik terkenal itu.
   A petikan
   B gesekan
   C gosokan
   D tepukan

Soalan 6 hingga 9
Ayat-ayat yang berikut **mungkin betul** *dan* **mungkin salah**. *Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan* **A**, **B**, *atau* **C** *dan jika* **tiada kesalahan** *telah ditandakan dengan* **D**.
Pilih jawapan yang **paling sesuai**.

6. Saintis itu sanggup menempuh (A) pelbagai cabaran untuk (B) memastikan kajian yang dijalankan (C) berjaya. Tiada kesalahan (D).

7. Para pengguna hendaklah mengikis sikap gopoh-gapah (A) ketika di jalanraya (B) untuk mengelakkan (C) kemalangan. Tiada kesalahan (D).

8. Restoran Seleraku itu sentiasa dikunjungi (A) oleh banyak orang kerana berbagai (B) jenis makanan ada dijual (C) di situ. Tiada kesalahan (D).

9. Pakaian (A) yang digayakan oleh (B) peragawati itu cantik-cantik nian (C) sehingga dipuji oleh hadirin. Tiada kesalahan (D).

Soalan 10 hingga 11
Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** *dengan betul.*

10. I Bunyi enjin kereta yang *kasar* itu memecah kesunyian malam.
    II Kain songket yang dibeli oleh Anita itu murah harganya kerana tenunannya *kasar*.
    III Akibat terlalu kuat bekerja sejak muda, kedua-dua tapak tangan nenek *kasar*.
    IV Tindakan *kasar* pemain bola sepak itu dalam perlawanan menyebabkan kad merah dilayangkan kepadanya.
    A I dan II sahaja
    B III dan IV sahaja
    C I, II, dan III sahaja
    D II, III, dan IV sahaja

11. I Pada *pengajaran* saya, budak-budak yang nakal patut dirotan.
    II Jadikan kesilapan yang telah kamu lakukan sebagai *pengajaran*.
    III Sebelum memulakan *pengajaran*, guru-guru seharusnya menarik perhatian murid terhadap tajuk yang akan dibincangkan.
    IV Asam rebus buatan Salwa sedap kerana dia memasak berdasarkan *pengajaran* ibunya.
    A I dan II sahaja
    B III dan IV sahaja
    C I, II, dan III sahaja
    D II, III, dan IV sahaja

LIVEWORKSHEETS